

MEMPERKASAKAN PENGETAHUAN AGAMA DALAM KALANGAN REMAJA BERMASALAH TINGKAH LAKU: KE ARAH PEMBENTUKAN AKHLAK REMAJA SEJAHTERA

(Empowering Knowledge of Religiosity Among Delinquent Teenagers Behavior: Towards a Prosperous Formation of Teenagers Morals)

Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen

ABSTRAK

Dalam usaha untuk menjulang imej dan kualiti hidup remaja, pembangunan remaja dari pelbagai aspek khususnya memperkasakan akhlak dan jati diri mereka seharusnya menjadi agenda utama negara. Pengetahuan dan didikan agama mampu menjadi perisai untuk menghalang mereka daripada terjebak dengan gejala sosial yang tidak sihat dan merosakkan akhlak dan minda mereka. Oleh itu, artikel ini disediakan bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja yang terlibat dengan masalah tingkah laku yang menyalahi undang-undang negara dan kini sedang ditahan untuk rawatan pemulihan akhlak di tiga buah sekolah pemulihan akhlak terpilih di Malaysia. Kajian telah dijalankan bermula pada bulan Jun hingga Julai 2011 dengan menggunakan rekabentuk tinjauan keratan-lintang (*cross-sectional survey*) secara kuantitatif. Seramai 200 orang remaja bermasalah akhlak berusia lingkungan umur 13-21 tahun telah dipilih sebagai responden kajian melalui persampelan rawak sistematik. Soal selidik kajian dibina sendiri hasil daripada literatur dengan memperoleh nilai kebolehpercayaan .63. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan 'SPSS for Windows' dan dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif. Hasil kajian mendapati majoriti remaja bermasalah akhlak yang terlibat dengan kajian ini menunjukkan mereka mempunyai tahap pengetahuan keagamaan pada tahap sederhana. Hasil kajian seterusnya dilihat mampu memberi sumbangan yang signifikan ke arah usaha membantu negara untuk mencari formula yang lebih strategik bagi tujuan memulihkan dan seterusnya memperkasakan sahsiah remaja dari segi akhlak dan moralnya berasaskan nilai-nilai keagamaan.

Kata kunci: *pengetahuan agama, sahsiah, remaja, masalah tingkah laku, penyalahgunaan dadah*

ABSTRACT

In an effort to empower the image and quality of teenagers life, various aspects of teenagers development especially to strenghten their character and identity shoud be a priority in the country. Education of knowledge and religious could be a shield to prevent them from being involved in unhealty social problems that can destroy their morals and minds. Thus, the main objective of this article was to determine the level of knowledge of religion among teenagers who are involved in behaviors problem that violate the laws of the country and is now being detained for treatment in the three selected reformatory schools in Malaysia. The study was conducted beginning in June to July 2011 with a cross-sectional survey design based on quantitative. A representative sample of 200 teenagers aged between 13-21 years from Henry Gurney School was selected as a respondents by using stratified random sampling. The results of the survey indicated that about 195 (97.5%) of respondents participated in this study showed a

moderate level of religious knowledge. The results of this study provide a significant input into the direction of efforts to help countries to find the best formula to help and restore a powerful teenager's identity in terms of morality and good characteristics through religiosity.

Keywords: *religious knowledge, personality, adolescents, behavior problems, substance abuse*

PENGENALAN

Kekuatan dan kelemahan sesuatu bangsa dan negara amat bergantung kepada golongan muda yang merupakan tonggak dan pewaris kesinambungan pembangunan dan kesejahteraan negara. Golongan muda yang cemerlang dalam pelbagai aspek seperti akademik, kemahiran, sahsiah dan jati diri amat diperlukan untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan dan pengukuhkan ekonomi serta masa depan negara (Fauziah, 2009). Dalam era globalisasi yang mana manusia harus berhadapan dengan dunia tanpa sempadan, pelbagai cabaran khususnya yang berkaitan dengan masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan generasi muda remaja amat membimbangkan. Sebagai salah satu usaha murni untuk membantu mengatasi masalah tersebut, beberapa faktor pelindung bagi menangani masalah berkaitan dengan remaja adalah diperlukan (Smith, 2004). Justeru itu, menyedari bahawa aspek keagamaan merupakan elemen penting untuk mengekang masalah sosial yang lebih rumit, maka penerapan dan pengukuhan agama dalam kalangan anak-anak perlu diberikan perhatian utama. Pengetahuan agama yang kukuh mampu menjadi pelindung kepada generasi muda remaja yang berada di peringkat pembesaran dan sedang mencari identiti diri (Corcoran & Nichols-Casebot, 2004; Wallace, dll., 2007). Remaja yang mempunyai pegangan dan pengetahuan agama yang tinggi dilihat mampu mengatur kehidupannya dengan lebih tenang, sempurna dan sejahtera (McCullough & Willioughby, 2006).

Robiah (2001) dalam tulisannya berkaitan dengan remaja dan pengurusan diri berpendapat bahawa kepercayaan agama merupakan suatu tenaga paling unggul untuk mencegah dan menentang segala unsur negatif yang menyerang emosi dan mental. Pegangan prinsip dan pendirian yang kukuh berlandaskan ajaran agama dapat mencegah seseorang remaja daripada dipengaruhi oleh unsur-unsur pergaulan bebas yang tidak sihat dan melampaui batasan. Sarina (1995) pula mengatakan bahawa pendidikan agama yang disemai sejak zaman kanak-kanak mampu membentuk perkembangan diri remaja yang positif serta mempunyai nilai-nilai murni dalam jiwa mereka. Pendidikan agama juga dilihat mampu menolak perlakuan negatif dan unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran agama. Pandangan ini menggambarkan bahawa betapa pentingnya pendidikan agama ke arah pembentukan sahsiah dan akhlak yang sempurna dalam kalangan remaja.

Beberapa kajian barat mendapati bahawa agama berupaya bertindak sebagai faktor pelindung kepada perlakuan yang menyalahi undang-undang seperti mencuri, merosakkan harta benda, merompak dan terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah dalam kalangan golongan muda (Donahue & Benson, 1995; Francis, 1997, Steinman, 2004). Hasil kajian ini memperlihatkan penemuan yang selari dengan dapatan kajian yang menyatakan bahawa generasi muda yang mempunyai pegangan agama yang kukuh menunjukkan tahap keterlibatan yang rendah dengan aktiviti yang tidak sihat termasuklah terlibat dengan gejala penyalahgunaan dadah (Gorsuch, 1988, 1995; Johnson, Tomkins, & Webb, 2002). Manakala Poulson et al. (1988), Greenwald (2000) dan Stylianou (2004) dalam kajian mereka pula mendapati bahawa seseorang

individu yang mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap agama kurang terdedah dengan aktiviti yang tidak berakhlak seperti penggunaan alkohol atau tingkah laku seksual yang berisiko tinggi. Hasil kajian ini selari dengan beberapa kajian barat lain yang mendapati bahawa agama merupakan faktor penghalang seseorang individu untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan norma dan nilai-nilai masyarakat termasuklah terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah (Jessor. et al., 2004; Kogan. et al., 2004, Wallace et al., 2003).

Hodge, Cardenas dan Montoya (2001) dalam kajiannya pula mendapati bahawa agama merupakan benteng yang kuat untuk menghalang perlakuan yang tidak bermoral dan seterusnya berupaya memberi perlindungan melalui dua cara iaitu: (i) bertindak sebagai penolakan kepada perbuatan yang bercanggah dengan kepercayaan agama dan (ii) keterlibatan seseorang individu dalam aktiviti agama berupaya membantu untuk membentuk kumpulan rakan yang positif serta dapat berkongsi sikap, kepercayaan dan nilai untuk menjauhkan diri mereka daripada terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral. Manakala kajian tempatan yang dijalankan oleh Mahmood et al. (1997) pula mendapati bahawa remaja yang mempunyai tahap pengetahuan dan keagamaan yang tinggi kurang berisiko untuk terdedah dengan gejala sosial yang boleh merosakkan masa hadapan mereka.

Menurut Sabitha (1995), antara punca berlakunya permasalahan sosial dalam kalangan generasi muda adalah disebabkan oleh kurangnya pendidikan agama dalam kalangan ibu bapa mahupun dalam kalangan anak-anak. Pengetahuan, penerapan dan amalan agama yang lemah dalam kalangan ibu bapa tidak membantu kepada perkembangan, perlakuan dan tingkah laku yang positif dalam kalangan anak-anak. Kajian yang dijalankan oleh Sharifah et al. (2010) mendapati golongan muda yang mendapat bimbingan yang positif daripada keluarga serta mempunyai kesedaran agama yang tinggi mampu berdepan dengan cabaran persekitaran negatif dan secara tidak langsung berupaya untuk mencegah mereka daripada terlibat dengan tingkah laku berisiko.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Michelle, Thomas dan Sinyangwe (1989) pula, mendapati bahawa pegangan agama yang sempurna boleh menjadi pegangan moral yang baik dalam diri remaja dan seterusnya memberi arah kepada mereka untuk berfikir dengan bijak sebelum melakukan sesuatu yang tidak bermoral. Manakala kajian yang dijalankan oleh Mahmood Nazar et al. (2004), mendapati bahawa kurangnya didikan agama dan faktor keluarga yang bermasalah mempunyai hubungan yang amat signifikan terhadap aktiviti pengambilan dan penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja. Oleh yang demikian, memandangkan aspek keagamaan merupakan elemen yang penting untuk membantu membentuk generasi muda yang cemerlang, maka kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmana tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja yang telah dikenal pasti terlibat dengan masalah tingkah laku yang menyalahi undang-undang negara. Hasil kajian ini dilihat mampu memberi sumbangan berguna bukan sahaja kepada institusi pemulihan akhlak yang dipertanggungjawabkan untuk memulihkan sahsiah dan akhlak remaja yang bermasalah, malah mampu menyediakan input berguna untuk pekerja sosial, pegawai pemulihan, kaunselor dan ahli psikologi yang lain untuk membantu mempertingkatkan keberkesanan modul/program yang berhubung dengan kerohanian bagi membentuk kesejahteraan dan pemerkasaan diri remaja.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif artikel ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja yang dikenal pasti terlibat dengan masalah tingkah laku yang menyalahi undang-undang negara dan kini sedang menjalani pemulihan akhlak di tiga buah sekolah pemulihan akhlak terpilih di Malaysia.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang (*cross-sectional survey*) secara kuantitatif dan dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif. Analisis deskriptif menurut Chua (2006) merupakan ujian statistik yang digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri variabel kajian. Dari segi instrumen, kajian ini menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan hasil kajian. Pengetahuan agama remaja diukur dengan menggunakan tujuh item soalan yang dibangunkan oleh penyelidik berasaskan literatur dan memperolehi nilai kebolehpercayaan yang sederhana tinggi iaitu .63. Menurut Lowenthal (2001), nilai kebolehpercayaan melebihi 60 boleh diterima sekiranya bilangan item yang sedikit iaitu kurang daripada 10. Jenis item yang digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan agama remaja adalah berbentuk skala 4 Likert di mana pilihan-pilihannya disusun mengikut kesesuaian iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju. Seterusnya tahap pengetahuan agama remaja telah diukur berpandukan kepada jadual interpretasi skor min berikut: (i) <.20 (tahap rendah), (ii) 2.01-3.00 (tahap sederhana) dan (iii) 3.01-4.00 (tahap tinggi).

Bagi menjayakan kajian, kerja-kerja pengumpulan data telah dijalankan sebaik sahaja pra-uji borang soal selidik dilaksanakan sepenuhnya serta kebolehpercayaan dan kesahan borang kaji selidik disempurnakan. Sebelum pengumpulan data dimulakan, penyelidik pada awalnya telah memohon mendapatkan kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Penjara Malaysia untuk menjalankan penyelidikan di tiga buah pusat tahanan/pemulihan yang menempatkan remaja. Setelah kelulusan diberikan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia, pengkaji kemudiannya telah menghubungi dan membuat temujanji dengan setiap Pengarah Kepenjaran yang terlibat bagi menetapkan tarikh untuk kerja-kerja pengutipan data. Pengedaran borang soal selidik kemudiannya telah dijalankan secara rawak kepada penghuni remaja yang dikenal pasti mempunyai rekod penyalahgunaan dadah dan sedang menjalani program tahanan dan pemulihan di Penjara.

Populasi kajian ini merujuk kepada remaja berumur dalam lingkungan 13-21 tahun yang dikenalpasti mempunyai masalah tingkah laku dari segi akhlak dan direkodkan bersalah melakukan aktiviti yang menyalahi undang-undang negara seperti mencuri, merompak, merosakkan harta benda, keganasan kepada manusia dan terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah. Seramai 200 orang remaja yang sedang ditahan untuk diberikan pemulihan dari segi akhlaknya di tiga buah sekolah telah dipilih untuk menjayakan kajian ini seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1 Bilangan subjek kajian mengikut negeri

Institusi	Negeri	Bilangan (n=200)
Sekolah Integriti, Kajang	Selangor	60
Sekolah Henry Gurney, Keningau	Sabah	50
Sekolah Henry Gurney, Telok Mas	Melaka	90

Data kajian seterusnya dianalisis dengan menggunakan ‘*Statistical Package for the Social Science for Windows*’12 (*SPSS for Windows 12*) versi 16. Statistik deskriptif digunakan untuk menentukan frekuensi, peratusan dan purata bagi memenuhi objektif kajian iaitu untuk mengenalpasti tahap pengetahuan agama remaja yang terlibat dengan masalah tingkah laku akhlak yang menyalahi undang-undang dan kini sedang dipulihkan di tiga buah sekolah pemulihan akhlak terpilih di Malaysia.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pendidikan dan pengetahuan agama merupakan medium terpenting dalam membentuk jati diri remaja. Pengetahuan agama yang tinggi mampu membentuk spiritual yang murni dalam kalangan remaja. Jadual 2 menunjukkan hasil kajian terhadap tahap pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah dan dikenalpasti telah terlibat dengan aktiviti yang berkaitan dengan kesalahan tingkah laku yang menyalahi undang-undang negara.

Hasil kajian yang dijalankan ke atas 200 orang remaja untuk mengenalpasti tahap pengetahuan agama dalam kalangan mereka mendapati bahawa secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati tahap pengetahuan majoriti (89.5 peratus) remaja berada pada tahap sederhana. Hasil kajian menggambarkan bahawa semakin tinggi pengetahuan agama, maka semakin rendah kecenderungan remaja untuk terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral dan menyalahi undang-undang negara.

Jadual 2 Tahap pengetahuan agama remaja yang terlibat dengan masalah tingkah laku yang menyalahi undang-undang negara

Pengetahuan agama remaja	N=200	Peratus (%)	Min	SD
Rendah (<2.00)	4	2.0		
Sederhana (2.01-3.00)	179	89.5	2.22	.38
Tinggi (3.01-4.00)	17	8.5		
Jumlah	200	100		

Tahap pengetahuan agama yang sederhana dalam kalangan remaja memberi gambaran bahawa majoriti remaja yang terlibat dengan kajian ini masih belum cukup mantap untuk

membantu melindungi diri mereka daripada terjebak dengan gejala negatif yang boleh merosakkan kesejahteraan hidup mereka. Pengetahuan agama yang sederhana ini juga masih belum cukup meyakinkan masyarakat bahawa pengetahuan ini mampu menjadi perisai dan benteng yang kukuh dalam kalangan remaja untuk menghalang diri mereka daripada godaan dan cabaran hidup khususnya apabila berhadapan dengan aktiviti negatif yang boleh meruntuh akhlak mereka. Ini kerana, kajian menunjukkan bahawa pengetahuan dan kesedaran agama yang rendah dalam kalangan remaja berupaya mendedahkan mereka dengan aktiviti berisiko yang boleh merosakkan akhlak dan jati diri mereka (Kogan et al., 2004; Stylianou, 2004; Greenwald; 2004; Sharifah et al., 2010). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, kebanyakan remaja yang sedang mengikuti program pemulihan di bawah pengawasan pihak Jabatan Penjara masih boleh diperkasakan sahsiah dan akhlaknya. Ini kerana hasil kajian menunjukkan tanda-tanda dan perkembangan yang positif terhadap kesediaan mereka untuk berubah dan dibimbing menjadi insan yang sejahtera. Antaranya hasil kajian yang dijalankan ke atas 200 orang remaja berisiko mendapati bahawa majoriti remaja (60%) mengakui bahawa mereka merupakan seorang yang kuat berpegang kepada suruhan agama setelah menjalani program pemulihan di penjara sepertimana yang ditunjukkan pada item lima (Jadual 3).

Penemuan kajian ini memberi petanda positif ke atas usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Penjara khususnya dalam memberi penerapan tentang nilai-nilai agama melalui modul kerohanian yang dilaksanakan bertujuan untuk membimbing remaja supaya kembali ke pangkal jalan. Penerapan nilai-nilai agama yang menerapkan tentang asas-asas pengetahuan agama juga dilakukan bertujuan untuk mengukuhkan akhlak dan sahsiah diri remaja supaya mereka tidak terpesong dalam mengharungi cabaran hidup yang penuh pancaroba. Tugas kaunselor penjara dilihat lebih mudah dalam membentuk remaja yang sejahtera akhlaknya kerana kebanyakan remaja ini dilihat mudah dibentuk untuk menjadi insan yang bertanggungjawab disebabkan oleh latar belakang keluarga mereka yang juga mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap agama.

Hasil kajian yang dijalankan mendapati seramai 77.5% responden bersetuju dan sangat bersetuju menyatakan bahawa mereka mempunyai keluarga yang berlatarbelakang agama dan patuh kepada suruhan agama (item 3). Disebabkan oleh latar belakang keluarga yang berpengetahuan tentang agama, maka lebih separuh (58.5%) daripada remaja yang terlibat dalam kajian ini juga mengakui bahawa mereka merupakan seorang yang mempunyai pengetahuan dari aspek keagamaan yang baik (item 6). Namun, peratusan remaja yang masih belum mantap dari aspek keagamaan masih belum meyakinkan (41.5%) dan keadaan ini memerlukan usaha berganda oleh pihak pengurusan dan kaunselor penjara untuk memastikan remaja yang sedang dalam pengawasan dan pemulihan cemerlang dari segi akhlaknya melalui penerapan ilmu keagamaan.

Jadual 3 Analisis Deskriptif Tahap Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja

No	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
		P(%)	P(%)	P(%)	P(%)	
1	Saya mempunyai keinginan untuk mempelajari dan	2.5	11.5	45.5	40.5	3.24

	mendalami ilmu agama					
2	Saya akan rasa bersalah sekiranya tidak bersembahyang	1.5	18.5	51.5	28.5	3.07
3	Keluarga saya terdiri daripada orang yang kuat beragama	1.0	21.5	55.5	22.0	2.98
4	Saya pernah melibatkan diri dengan aktiviti tidak bermoral	5.0	25.5	58.5	11.0	2.76
5	Saya seorang yang kuat berpegang kepada suruhan agama	3.0	35.0	48.0	14.0	2.73
6	Saya seorang yang berpengetahuan dalam agama	1.0	40.5	49.0	9.5	2.67
7	Saya gemar pergi ke tempat-tempat ibadat untuk beribadah (masjid, kuil, gereja)	5.0	44.5	38.0	12.5	2.58

Memandangkan kebanyakan remaja ini tergolong dalam kategori remaja yang masih mencari identiti diri dan mudah terpengaruh dengan desakan rakan sebaya, maka mereka juga tidak terlepas daripada melakukan perkara negatif yang boleh memusnahkan kehidupan muda mereka. Hal ini dapat digambarkan melalui pengakuan sebilangan besar daripada responden (68.5%) yang mengakui bahawa mereka pernah melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral seperti mencuri, merosakkan harta benda, terlibat dengan kesalahan jenayah dan aktiviti penyalahgunaan dadah (item 4). Perlakuan tingkah laku yang menyalahi undang-undang negara ini telah menyebabkan mereka ditahan dan ditempatkan di sekolah pemulihan akhlak yang dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia. Penahanan mereka bertujuan untuk membantu mengembalikan dan memperkasakan semula sahsiah dan jati diri remaja yang pernah terpesong supaya kembali ke pangkal jalan dan mampu hidup berdikari dengan cemerlang.

Walaupun kebanyakan remaja yang terlibat dalam kajian ini pernah hanyut dan terpedaya dengan godaan, cabaran arus pembangunan negara masa kini, namun penyelidik mendapati bahawa kebanyakan remaja ini masih boleh dibentuk untuk menjadi insan yang cemerlang. Pandangan ini dilontarkan berdasarkan penemuan kajian ke atas 200 orang responden yang kebanyakannya masih mempunyai kemahuan dan keinginan untuk berubah dan kembali ke pangkal jalan. Hasil kajian menunjukkan seramai 86% dalam kalangan remaja yang dikaji meluahkan pandangan bahawa mereka mempunyai keinginan untuk mempelajari dan mendalami ilmu agama serta menunjukkan rasa keinsafan yang tinggi (item 1). Hasil kajian juga menemukan dapatan bahawa hampir sebahagian besar (80%) daripada remaja mengakui bahawa mereka akan berasa bersalah sekiranya tidak menunaikan kewajipan untuk bersembahyang (item 2). Perkembangan diri yang positif seperti mana yang ditunjukkan dalam pengakuan remaja dalam kajian ini telah memberi input yang amat bermakna kepada pihak Penjara. Pihak pengurusan Penjara telah melaksanakan tanggungjawab ke arah mencari jalan memperkasakan dan membentuk generasi remaja untuk menjadi insan yang cemerlang serta mampu menyumbang sesuatu yang amat berharga kepada negara. Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak kaunselor penjara haruslah dipertingkatkan bagi memastikan remaja yang telah bebas daripada tempoh pemulihan kelak benar-benar pulih dan mampu memilih landasan kehidupan dengan menggunakan akal yang bijak. Remaja juga diharap dapat mengamalkan dan mempraktikkan ajaran agama dan nilai-nilai murni yang dipelajari secara berterusan

walaupun setelah dibebaskan daripada pusat tahanan untuk mencipta kehidupan baru yang lebih sejahtera dan bebas daripada melakukan tingkah laku yang bertentangan dengan nilai dan norma-norma masyarakat.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Agama memainkan peranan yang penting sebagai panduan kehidupan manusia termasuklah golongan remaja yang sering berhadapan dengan dilema dalam pencarian identiti diri. Bagi merealisasikan generasi muda yang memiliki keperibadian yang cemerlang dari segi sahsiah dan akhlak mereka, pelbagai pihak perlu berganding bahu bersatu memastikan remaja berada pada landasan yang betul untuk menuju laluan kehidupan yang boleh dibanggakan. Tahap pengetahuan agama yang sederhana sepertimana penemuan dapatan kajian ini masih belum cukup untuk memastikan remaja dapat mengharungi zaman keremajaan mereka dengan sempurna dan berjaya. Oleh itu, ibu bapa yang merupakan individu paling rapat dengan anak remaja harus berkewajipan melaksanakan amanah dan tanggungjawab untuk memperkukuh pendidikan agama anak dan seterusnya memastikan mereka mempraktikkan ajaran agama yang diajari dalam kehidupan seharian. Penekanan dalam mempraktikkan ajaran agama mampu menjadi perisai kepada anak-anak untuk tidak terlibat dengan gejala sosial negatif yang boleh menghancurkan masa depan mereka. Pengetahuan dan amalan agama yang sempurna juga mampu menjadikan remaja lebih rasional dalam menangani cabaran hidup dan seterusnya memaksimumkan segala potensi yang ada pada mereka untuk kemajuan diri, pembangunan agama, bangsa dan juga negara.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai sepenuhnya oleh dana penyelidikan muda UKM-GGPM-CMNB-007-2010, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Ucapan penghargaan ditujukan kepada semua yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Corcoran, J. & Nichols-Casebot, A. 2004. Risk and resilience ecological framework for assessment and goal formulation. *Child and Adolescent Social Work Journal*, 21, 211-235.
- Donahue, M. & Benson, E.L. 1995. Religion and the well-being of adolescents. *Journal of Social Issues*, 51(2), 145-160.
- Fauziah Ibrahim. 2009. *Dadah dan Pembangunan Belia: Antara Cabaran dan Peranan*. Nobaya Ahmad dan Haslinda Abdullah (eds.). *Belia dan Pembangunan Modal Insan*. Penerbit UPM, Serdang Selangor.
- Francis, L.J. 1997. The impact of personality and religion on attitudes towards substance use among 13-15 year olds. *Drug and Alcohol Dependence*, 44(2-3), 95-103.

- Gorsuch, R. L. 1995. Religious aspects of substance abuse and recovery. *Journal of Social Issues*, 51(2), 65-83.
- Greenwald, S. 2000. Religiosity and Substance Use and Abuse Among Adolescents in the National Comorbidity Survey. *Journal of American Academy of Child and Adolescent Psychiatry*, 39(9), 1190-1197.
- Hodge, D. R., Cardenas, P. & Montoya, H. 2001. Substance use: Spirituality and religious participation as protective factors among rural youths. *Social Work Research*, 25(3), 153-161
- Jessor, R., Costa, F. M., Krueger, P. M. & Turbin, M. S. 2006. A developmental study of heavy episodic drinking among college students: The role of psychosocial and behavioral protective and risk factors. *Journal of Studies on Alcohol*, 67(1), 86-94.
- Johnson, B. R., Tomkins, R. B. & Webb, D. 2002. Objective hope: Assessing the effectiveness of faith-based organizations: A review of the literature. University of Pennsylvania Center for Research on Religion and Urban Civil Society, Research Report.
- Kogan, S. M., Luo, Z., Murry, V. M. & Brody, G. H. 2005. Risk and protective factors for substance use among African American high school dropouts. *Psychology of Addictive Behaviors*, 19(4), 382-391.
- Lowenthal, K.M. 2001. *An Introduction to Psychological Tests and Scale*. (2nd ed.) Psychology Press. Taylor & Francis Group.
- Mahmood, N.M., Nadiyah Elias, Noor Azizah Ahmad, Saedon Awang & Ahmad Martadha. 1997. *Kajian Gaya Hidup Remaja Negeri Kedah*. Al-Bukhary Foundation, Kedah Islamic Development Foundation and Kedah Youth Council Research Grant: Contract Research Report, UUM-MBK.
- Mc Cullough, M.E. & Willoughby, L.B. 2006. Religion, Self-Regulation and Self Control: Association, Explanation and implication. *Psychological Bulletin*, 135(1), 69-93.
- Michelle, C., Thomas, R.M. & Sinyangwe, I.M. 1989. Adolescent Conceptions of 'Moral': Haiti The United States, & Zambia. *Youth & Society*, 21 (2).
- Poulson, R.L., Eppler, M.A, Satterwhite, T.N, Wuensch, K.L. & Bass, L.A. 1988. Alcohol Consumption, Strength of Religious Beliefs Aand Risky Sexual Behavior In College Students. *Journal of American College Health*, 46(5), 227-232.
- Robiah Kulop Hamzah, 2001. "Remaja Dan Pengurusan Diri". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabitha Marican & Mahmood Nazar Mohamed. 1995. Pencemaran Budaya Remaja: Siapakah Yang Bertanggungjawab. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 18(1), 21-35.

- Sarina Othman. 1995. Menangani Masalah Bohsia, Moral dan Pendidikan. 7. ms. 48-50
- Smith, E. J. 2006. The strength-based counseling model. *Counseling Psychologist*, 34(1) 13-79.
- Steinman, K.J. 2004. Religious activity and risk behavior among African American adolescents: Concurrent and developmental effects. *American Journal of Community Psychology*, 25(1), 117-122.
- Stylianou, S. 2004. The Role of Religiosity in the Opposition to Drug Use. *International Journal of Offender Therapy & Comparative Criminology*, 48(4), 429-448.
- Syarifah, M.N., Turiman, S., Syamsilah, R., Rahil, M., Haslinda, A., Ismi Arif, I. & Mursyid, A. 2010. *Laporan Kajian Fenomena Merempit dan Potensi Remaja Lasak di FELDA*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Wallace, J. M., Brown, T. N., Bachman, J. G. & Laveist, T. A. 2003. The influence of race and religion on abstinence from alcohol, cigarettes and marijuana among adolescents. *Journal of Studies on Alcohol*, 64(6), 843-848.
- Wallace, J.M., Yamaguchi, R., Bachman, J.G., O'Malley, P.M., Schulenberg, J.E. & Johnston, L.D. 2007. The role of individual and contextual influences. *Social Problems Journal*, 54 (2), 308-327.

Fauziah Ibrahim
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
43600 UKM, Bangi Selangor
Email: ifauziah@ukm.my